

16-12-2017

bisnes

55

A

**RM400**

>>Fi dikenakan untuk wasiat dengan pindaan percuma



AHMAD Saruji (empat dari kiri) bertukar dokumen dengan Najmi (tiga dari kanan) pada majlis menandatangani perjanjian kerjasama, semalam.

## SASAR URUS 500 WASIAT

Sri Ayu Kartika Amri  
kartika@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

**M**yAngkasa Amanah Berhad (MAAB) berada di landasan tepat untuk meningkatkan jumlah pengurusan perancangan harta pusaka dengan menjalin kerjasama strategik dengan Pelaburan Mara Berhad (PMB Investment Berhad).

Ketua Pegawai Eksekutif MAAB Datuk Ahmad Saruji Abdul Azizi berkata, pihaknya menjangka untuk menguruskan 500 fail urusan wasiat dan pentadbiran harta pusaka dalam tempoh tiga bulan membabitkan pelabur PMB

Investment Berhad (PMBI). Katanya, kerjasama antara MAAB dan PMBI penting kerana mereka boleh melaksanakan urusan wasiat dan pentadbiran harta pusaka melalui ejen PMBI di seluruh negara dengan kadar fi yang berpatutan pada bila-bila masa.

"Setakat ini, MAAB menguruskan 213 fail dan kami yakin jumlah disasarkan itu

dapat dicapai.

"MAAB mencari rakan strategik bagi memastikan kadar penembusan rakyat Malaysia dalam melaksanakan pentadbiran harta pusaka meningkat berbanding kurang satu peratus pada masa ini," katanya pada majlis menandatangani perjanjian kerjasama strategik di antara MAAB dan PMBI di sini, semalam.

Hadir sama, Pengurus PMBI Datuk Abdul Malik Is-

mail, Ketua Pegawai Eksekutif PMBI Najmi Mohamed dan Timbalan Presiden ANGKASA Mutadho Bahri.

Ahmad Saruji berkata, sehingga kini MAAB kekal sebagai pemain industri produk penulisan wasiat pada kadar bayaran terendah di pasaran berbanding syarikat amanah lain.

"Untuk wasiat, fi dikenakan hanya RM400 (sekali bayar) dengan pindaan percuma dan caj pusaka dua peratus daripada jumlah nilai aset.

"MAAB mengekalkan harga mampu milik kepada

orang ramai untuk menggalakkan pelanggan membuat perancangan harta pusaka yang komprehensif," katanya.

Najmi Mohamed berkata, bagi memberi nilai tambah kepada pelanggan, MAAB memberi mandat kepada PMBI untuk menawarkan perkhidmatan hibah kepada pelabur dan pelanggan PMBI pada suku pertama 2018.

"Buat masa ini, ada 70,000 pelabur PMBI dan diharap dengan produk pengurusan amanah MAAB ini, ia dapat memberi mereka banyak pilihan," katanya.

**FAKTA**  
Setakat ini, MAAB urus 213 fail pentadbiran harta pusaka

Perpustakaan Koperasi Malaysia